

## PERUTUSAN PENGERUSI



**Tahun 2023 menyaksikan negara beransur-ansur bangkit daripada pandemik dan pemulihian ini bermakna kita kembali menjalani kehidupan secara normal. Seiring dengan itu, ia membuka peluang kepada Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) untuk mengisi kalender kami dengan inisiatif yang memberi impak bermakna. Yayasan memanfaatkan kekuatannya dan bersama dengan rakan-rakan, kami terus memperteguh peranan kami sebagai pengintegrasikan sistem di antara Johor Corporation (JCorp) dan Syarikat Kumpulannya serta pelbagai pihak luar yang berkepentingan demi melaksanakan agenda kelestarian dan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Kumpulan.**

Hala tuju Perancangan Strategik 2024-2028 Yayasan JCorp yang dirangka pada 2023 telah membawa hasil apabila kami berjaya merealisasikan inisiatif berpaksikan empat bidang fokus utama, iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar dan Kesejahteraan Komuniti. Setiap satu daripada bidang fokus tersebut terus mencatatkan pencapaian penting yang memangkin kemajuan serta kesan yang mampan.

**ROZAINI MOHD SANI**  
*Pengerusi Yayasan Johor*



**IMBAS UNTUK  
MENONTON VIDEO  
PENGERUSI**

## PERUTUSAN PENGERUSI



### PENGIKTIRAFAN TERHADAP RAKAN-RAKAN KAMI

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut berganding bahu melancarkan perjalanan Yayasan JCorp. Ucapan terima kasih ini saya tujuarkan kepada para pemegang taruh, pihak berkuasa dan pengawal selia, terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor atas sokongan dan pandangan mereka sehingga membolehkan matlamat kami direalisasi dengan berkesan.

Kepada rakan-rakan kami yang lain, termasuk JCorp dan Syarikat Kumpulannya, Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC), Yayasan Temasek, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Southern Volunteers, terima kasih kerana turut berkongsi visi kami dalam memupuk perubahan positif.

### PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini juga, saya ingin meraikan kehadiran dan mengucapkan selamat datang kepada Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp yang baharu, di samping turut menggalas tugas sebagai Head of Sustainability JCorp. Saya percaya di bawah kepimpinannya, Yayasan JCorp mampu mengorak langkah lebih jauh dan bermakna dalam memacu inisiatif kelestarian kami demi kebaikan komuniti serta alam sekitar dengan menetapkan tanda aras untuk berdiri sama tinggi, sebaris yayasan antarabangsa yang lain.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih turut saya tujuarkan kepada warga kerja, sukarelawan dan anggota komuniti kami kerana terus menyokong peranan kami sebagai pengintegrasikan sistem. Berbekalkan semangat yang cekal dalam menempuh tahun mendatang, diharapkan semoga kami dapat terus menzahirkan impak yang bermakna dengan meningkatkan kehidupan dan membina masa depan yang lebih baik untuk semua.

